

Usah biar jenayah kebencian berlaku

Peringatan Kan Seng peri penting rakyat jaga keharmonian andai S'pura diserang pengganas

Oleh NADZRI EUNOS
nadzri@sph.com.sg

JENAYAH kebencian tidak boleh dibiarkan berlaku sekiranya Singapura diserang pengganas kerana ia boleh menghancurkan keharmonian kaum yang sudah terjalin selama ini.

Justeru, adalah sangat penting untuk memastikan setiap rakyat faham bahawa keharmonian adalah komponen paling utama

dalam perpaduan masyarakat Singapura.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Ehwah Dalam Negeri, Encik Wong Kan Seng, berkata bahawa perpaduan kaum hanya akan menjadi kenyataan dengan adanya kefahaman mendalam dan toleransi terhadap perbezaan yang wujud di kalangan masyarakat berbilang bangsa dan agama di sini.

"Kita lihat contoh jena-

yah kebencian selepas insiden di Glasgow dan London baru-baru ini.

"Kita telah pun lihat perkara yang sama ketika insiden 7 Julai (pengeboman London).

"Tetapi insiden terbaru ini sekali lagi mengutarakan bahaya jenayah kebencian, iaitu apabila satu kumpulan mengambil tindakan ekstrem terhadap kumpulan yang lain.

"Kita mesti berwaspada

dan pastikan jenayah kebencian tidak berlaku di Singapura sekiranya berlaku serangan pengganas," tegas beliau.

Katanya, jika sesuatu berlaku, para pemimpin masyarakat mesti keluar untuk menenangkan kumpulan masing-masing.

"Nasihatkan mereka agar jangan bertindak melampau atau membalas dendam dan pada masa yang sama bekerjasama dengan masyarakat berbilang bangsa dan agama yang lain untuk tampil dan menegutuk serangan pengga-

nas itu," tegas Encik Wong lagi.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas menghadiri Hari Persediaan Kecemasan Bishan East di Bishan Street 13, pagi semalam.

Dalam senario latihan itu, flat seorang keluarga Melayu/Islam terbakar dan jiran yang berlainan kaum tampil membantu untuk menyelamatkan mereka.

Seorang peserta, Encik Abdul Razak Shafaat, 51 tahun, berkata:

"Apabila berlaku kecemasan di rumah, tidak ada

sesiapa yang boleh bantu selain jiran sebelah yang mungkin berlainan bangsa. Jadi penting untuk kita jalin hubungan mesra."

Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF) turut memperkenalkan dua inisiatif baru dalam latihan semalam seperti pusat bagi menguji tahap kecekapan kemahiran pertahanan awam dan video mengenai cara-cara menyelamatkan diri daripada ancaman bahan kimia, biologiikal dan radiologiikal dalam empat bahasa rasmi.